



30 April 2025
30 April 2025
P.U. (B) 175

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD BAGI KAJIAN SEMULA
PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN
DENGAN IMPORT KELULI TAHAN KARAT GULUNGAN
SEJUK DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN ATAU
APA-APA BENTUK LAIN YANG BERASAL ATAU
DIEKSPORT DARI REPUBLIK INDONESIA DAN
REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

*NOTICE OF FINAL DETERMINATION FOR THE
ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTIES
WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED STAINLESS
STEEL IN COILS, SHEETS OR ANY OTHER FORM
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF
INDONESIA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD BAGI KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN
DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI TAHAN KARAT
GULUNGAN SEJUK DALAM BENTUK GEDELUNG, KEPINGAN ATAU APA-APA
BENTUK LAIN YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK INDONESIA DAN
REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AD 02/20 – AR 03/24)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad bagi kajian semula pentadbiran terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import keluli tahan karat gulungan sejuk dalam bentuk gegelung, kepingan atau apa-apa bentuk lain dengan ketebalan tidak lebih daripada 6.5 milimeter, tidak termasuk —

- (a) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan kemasan sepuh lindap berkilat (BA), No. 8 (Kemasan Cermin), timbul, keras, gores atau berwarna; atau
- (b) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan nilai kekerasan lebih daripada 250HV,

yang berasal atau dieksport dari Republik Indonesia dan Republik Sosialis Viet Nam (“dagangan subjek”).

Penentuan muktamad

2. Kerajaan menentukan bahawa duti anti-lambakan yang dikenakan terhadap pengeluar atau pengeksport dagangan subjek sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Penentuan Muktamad Afirmatif Penyiasatan Duti Anti-Lambakan berkenaan dengan Import Keluli Tahan Karat Gulungan Sejuk dalam Bentuk Gegelung, Kepingan atau Apa-Apa Bentuk Lain yang Berasal atau Dieksport dari Republik Indonesia dan Republik Sosialis Viet Nam [*P.U. (B) 216/2021*] hendaklah dikekalkan sehingga 23 April 2026.

Sebab bagi penentuan muktamad

2. Sebab bagi penentuan muktamad bagi kajian semula pentadbiran adalah seperti yang berikut:

- (a) Kerajaan berpuas hati dengan bukti yang dikemukakan oleh pihak industri tempatan bahawa keluaran serupa masih dikeluarkan di Malaysia dan keluaran serupa itu kini boleh didapati dalam pasaran tempatan; dan
- (b) penamatan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan lambakan dan kemudaran yang berterusan atau berulang kepada industri tempatan di Malaysia.

Bertarikh 28 April 2025

[MITI.S.600-2/2/41; PN(PU2)529/JLD.34]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF FINAL DETERMINATION FOR THE ADMINISTRATIVE REVIEW OF
ANTI-DUMPING DUTIES WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED STAINLESS
STEEL IN COILS, SHEETS OR ANY OTHER FORM ORIGINATING OR EXPORTED FROM
THE REPUBLIC OF INDONESIA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AD 02/20 – AR 03/24)

IN exercise of the power conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made the final determination for the administrative review on the imposition of an anti-dumping duty with regard to the imports of cold rolled stainless steel in coils, sheets or any other form with the thickness of not more than 6.5 millimetres, excluding —

- (a) cold rolled stainless steel with bright annealed (BA), No. 8 (Mirror Finish), embossed, rigidised, etched or coloured finishes; or
- (b) cold rolled stainless steel with hardness value of more than 250HV,

originating or exported from the Republic of Indonesia and the Socialist Republic of Viet Nam (“subject merchandise”).

Final determination

2. The Government determines that the anti-dumping duties imposed on the producers or exporters of the subject merchandise as specified in the Notice of Affirmative Final Determination of an Anti-Dumping Duty Investigation with regard to the Imports of Cold Rolled Stainless Steel In Coils, Sheets or Any Other Form Originating or Exported from the Republic of Indonesia and the Socialist Republic of Viet Nam [*P.U. (B) 216/2021*] shall be maintained until 23 April 2026.

Reasons for final determination

3. The reasons for the final determination of the administrative review are as follows:

- (a)* the Government is satisfied with the evidence provided by the domestic industry which demonstrates that the like product is still produced in Malaysia and it is currently available in the domestic market; and
- (b)* the termination of anti-dumping duties is likely to result in the continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia.

Dated 28 April 2025
[MITI.S.600-2/2/41; PN(PU2)529/JLD.34]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Investment, Trade and Industry